

03/02/1999

Tiada dua jeneral dalam kerajaan

Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberi jaminan beliau tidak akan sekali-kali mewujudkan suasana 'dua jeneral' dalam pentadbiran kerajaan.

Menurutnya, beliau memahami tugasnya sebagai Timbalan Perdana Menteri adalah untuk membantu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam, pentadbiran kerajaan sekarang sebagai pentadbiran Dr Mahathir.

Musa dalam temu bual dengan akhbar Mingguan Malaysia, Ahad lalu juga menasihatkan Abdullah melihat diri sebagai timbalan kepada Perdana Menteri.

Abdullah dalam satu wawancara khas yang disiarkan secara langsung menerusi TV1 yang dikendalikan oleh Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press (NSTP), Datuk A Kadir Jasin, malam ini, berkata:

"Ada kebenarannya dalam hal ini dan saya nampak. Sebab itu pada satu masa saya biasa katakan, kita hanya ada satu jeneral, bukan dua.

"Kita dikelirukan dengan arahan ada dua jeneral. Kita tidak ada pilihan, hanya ada satu jeneral," katanya.

Mengenai dakwaan Dr Mahathir mabuk kuasa dan tidak mahu mendengar nasihat, Abdullah berkata, tohmahan itu tidak tepat, sebaliknya Perdana Menteri seorang yang sabar dan sedia mendengar pandangan orang lain.

Beliau berkata, dalam banyak keadaan termasuk ketika mesyuarat jemaah menteri, Perdana Menteri turut mendengar pandangan dan hujah yang dikemukakan oleh menteri-menteri dengan penuh sabar.

Abdullah juga memberi contoh Dr Mahathir pernah menolak cadangan pindaan perlembagaan bagi mengehendakkan kuasa raja yang dikemukakan Peguam Negara kerana pindaan itu memberi kuasa mutlak kepada Perdana Menteri sama seperti apa yang dinikmati Sir Gerald Templar dulu.

"Perdana Menteri berkata dia tidak mahu. Dia tidak perlukan kuasa seperti itu," katanya.

Abdullah berkata, rakan sejawatannya ketika beliau menjadi Menteri Luar juga selalu hairan kerana Perdana Menteri sanggup mendengar dan bertukar pandangan tanpa sebarang halangan antara kedudukan seorang Perdana Menteri dan Menteri Luar.

Abdullah berkata, pembabitan aktif Dr Mahathir dalam isu antarabangsa tidak menyukarkan tugasnya sebagai Menteri Luar sebelum ini, sebaliknya ia memudahkannya.

Terdahulu, Abdullah berkata, beliau memang tidak menyangka dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana berpendapat ada rakan lain dalam Umno yang lebih berpengalaman sebagai pemimpin.

"Saya bersyukur kepada Allah. Maklumlah naik pangkat ini memang menggembirakan tapi yang selalu tengok ialah kerja yang begitu banyak terpaksa dilaksanakan dengan baik.

"Saya percaya rakyat mengharapkan saya melaksanakan kerja dengan baik, tekun, ikhlas dan memuaskan," katanya.

Dalam wawancara itu, Abdullah yang juga Naib Presiden Umno turut ditanya mengenai peluang Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya Sabah yang akan diadakan tidak lama lagi.

Menurut Abdullah, BN sudah membuktikan kemampuannya membawa pembangunan yang banyak kepada rakyat Sabah walaupun hanya menerajui kerajaan negeri itu sejak 1994.

Sambil memberi contoh penubuhan Universiti Malaysia Sabah yang dianggap projek terbesar, Abdullah berkata rakyat Sabah menerima baik segala projek yang dijalankan.

"Pihak swasta di Sabah juga lebih yakin dengan kemajuan yang dibawa oleh kerajaan Barisan Nasional. Ini satu situasi yang kita lihat sekarang," katanya.

Mengulas tindakan sesetengah golongan di Sabah yang membangkitkan isu bahawa kehadiran pemimpin pusat di Sabah sebagai usaha untuk 'menakluk' negeri itu, Abdullah berkata anggapan itu serius dan berunsur hasutan.

"Ini bertujuan melahirkan rasa benci kepada kerajaan Persekutuan dan pemimpin-pemimpinnya," katanya.

Mengenai Umno, beliau berkata, parti itu memerlukan pembelajaran semula politik bagi memastikan generasi muda tidak hilang minat kepadanya.

Abdullah berkata, terdapat sedikit sebanyak kebenaran bahawa generasi muda tidak begitu berminat pada parti itu pada masa sekarang.

"Jadi Umno perlu 'political re-education' bagi mengubah keadaan ini," katanya,

Ditanya apakah usaha akan dibuat bagi memisahkan Umno dengan perniagaan pada pilihan raya akan datang, Abdullah berkata: "Tidak semestinya kita membuat pemisahan."

Abdullah berkata, apa yang penting ialah bagi seseorang wakil rakyat yang terbabit dalam perniagaan tidak mengabaikan pengundinya.

(END)